

29/01/2000

Kegiatan PM di luar negara akan disiarkan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kementerian Penerangan akan menyiarkan kegiatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika bercuti di luar negara, dalam usaha menyakinkan rakyat bahawa pemimpin mereka masih cergas.

Menterinya, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata langkah itu amat berkesan bagi menangkis dakwah golongan tertentu yang menabur fitnah semata-mata untuk mengaut keuntungan mudah atau mencapai matlamat politik peribadi.

"Mereka ini berfikiran sempit dan kejam serta sedar bahawa pembohongan mereka mengenai kesihatan Dr Mahathir mampu menjejaskan suasana pasaran di Bursa Saham Kuala Lumpur dan menggugat keyakinan pelabur asing serta rakyat.

"Penipuan yang disebarakan menerusi Internet di sekitar Lembah Klang mampu menular dengan pantas ke negeri lain, tetapi mengambil masa yang lama untuk dibetulkan.

"Lantaran itu, jika perlu, siaran seperti semalam akan diteruskan ketika Perdana Menteri melawat Perancis nanti," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian jual beli saham antara Utusan Melayu (M) Berhad dan Asia On-Line Services Sdn Bhd di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, yang diwawancara di London selepas bercuti di Kepulauan Carribean, menyifatkan khabar angin mengenai kesihatan, malah kematiannya, sebagai pembohongan yang lazim dilakukan pembangkang.

Menurutnya, beliau juga tahu pembangkang mempunyai satu `jabatan' khas yang menggunakan internet sebagai saluran untuk menipu dan memfitnah, tidak kira sama ada sesuatu berita itu benar atau palsu.

Agensi berita asing sebelum ini melaporkan Dr Mahathir terjatuh dari kuda dan cedera ketika bercuti di sebuah ladang di pinggir Buenos Aires di Argentina.

Khalil berkata, maklum balas daripada penonton selepas wawancara dengan Perdana Menteri disiarkan semalam membuktikan keyakinan rakyat sudah kembali dan ramai menyuarakan simpati kerana beliau difitnah seumpama itu.

Khalil yang juga Setiausaha Agung Umno, menjelaskan bahawa kod etika berkempen ketika pemilihan sudah siap dirangka dan akan dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada 4 Februari ini.

(END)